



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UHMS1182

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

(APPRECIATION OF ETHICS AND CIVILISATIONS)

SECTION: 30

PENSYARAH: Mr. Husain Mahmood

AKTIVITI: Refleksi Diri

NAME: TEOH WEI JIAN

MATRIK.NO: A20EC0229

1) Apa yang telah kamu pelajari daripada kursus etika dan peradaban?

Kursus etika dan peradaban ini adalah merangkumi 9 bab. Dari bab 1, saya dapat memahami definisi etika dan peradaban. Pelbagai jenis peradaban yang tidak sama mempunyai definisi etika sendiri dan tidak sama dengan definisi etika berdasar peradaban lain. Etika dari perspektif individu, masyarakat, negara dan sejagat adalah sesuatu falsafah atau cara berfikir yang perlu diamalkan oleh seseorang untuk menjamin keharmonian, kebaikan dan kebahagiaan negara, masyarakat, keluarga dan juga hidup sendiri. Dari bab 2, saya dapat memahami perbezaan antara teori etika klasik dan teori etika moden. Teori etika klasik lebih titik berat kepada tingkah laku yang diambil oleh seseorang manusia perlulah membawa kesan yang baik dan kebahagiaan kepada sendiri atau orang lain. Manakala, teori etika moden lebih memberi perhatian kepada tanggungjawab yang perlu dilakukan atau hak-hak yang perlu dimiliki oleh sebagai seseorang manusia. Dari bab 3, saya dapat memahami tentang prinsip utama di dalam etika Islam dan nilai-nilai etika dan peradaban dalam tamadun Islam dan Melayu. Dari bab 4, saya dapat memahami tentang etika, nilai – nilai dan budaya tamadun dan masyarakat dulu seperti tamadun Cina, tamadun India dan tamadun Barat .

Dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus ini yang seterusnya, semua mahasiswa dan mahasiswi telah dibahagi kepada beberapa kumpulan dan perlu membentangkan topik yang dipilihkan. Topik – topik yang dibentangkan adalah kemunculan peradaban AZTEC di dunia, masyarakat beretika di Kuala Lumpur, etika masyarakat Jepun, krisis peradaban etnik minoriti di Myanmar (rohingya) dan sebagainya. Dalam pembentangan kawan – kawan saya, saya dapat menambah ilmu pengetahuan saya. Pembentang mereka juga memberi saya perspektif yang baru untuk melihat hubungan antara tingkah laku individu dengan budaya atau masyarakatnya. Sebagai manusia, tingkah laku yang diambilkan adalah bergandung dengan ajaran dari bangsa sendiri, kaum sendiri, budaya dan masyarakatnya. Setiap masyarakat mempunyai budaya dan pemikiran sendiri dan istimewa. Oleh itu, persengketaan mestilah akan berlaku di antara berbilang masyarakat. Masyarakat yang tidak sama mestilah menyebabkan manusia mengambil tingkah laku dan membentuk budaya yang beza untuk menyesuaikan sendiri dan menghidup dalam masyarakatnya. Jadi, saya memahami kita perlu bertoleransi dan menghormati cara hidup orang lain

Saya berada di kumpulan 9 dan tajuk kumpulan saya adalah kesepaduan hidup antara masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia. Dalam perbincangan kumpulan saya untuk menyediakan pembentang tajuk ini, saya memahami kepentingan tentang bekerjasama dan pengurusan masa. Selepas menjadi pelajar universiti, saya mendapati perbezaan hidup universiti dan hidup semasa sekolah menengah adalah tidak sama. Semua pelajar mengadakan aktiviti akademik pada masa yang tidak sama. Oleh itu, masa kumpulan saya untuk menyediakan pembentang ini amat panjang kerana semua ahli kumpulan ada kerja atau tugasannya perlu diselesaikan. Kumpulan saya juga membahagi kerja dengan rata – rata kepada semua ahli kumpulan. Dengan itu, kumpulan saya berjaya dapat membentang tajuk kami sebelum cuti pertengahan semester. Dari tajuk kumpulan saya, saya dapat memahami kenapa kita perlu menjaga kesepaduan hidup masyarakat kita dan sumbangan yang dibuat oleh kerajaan kita untuk menjamin kesepaduan hidup masyarakat kita.

Kesimpulannya, dengan mengambil kursus ini saya dapat memahami kepentingan etika dalam hidup seseorang dan juga kepentingan peradaban terhadap negara kita. Kemajuan dan pembangunan peradaban Malaysia adalah bergantung kepada etika yang diamalkan oleh semua rakyat Malaysia. Isu ini adalah masalah yang perlu diingatkan oleh semua rakyat Malaysia sepanjang masa hidup sendiri. Tingkah laku kita adalah mewakili peradaban masyarakat kita semasa Malaysia dilaporkan berita oleh media massa negara asing. Etika perlu diamalkan oleh semua orang dalam hidupan sendiri bukan untuk keharmonian negara kita sahaja dan juga untuk kebahagiaan hidup sendiri. Dengan etika, kita boleh berhidup dengan orang lain lebih baik dan juga melaksanakan tanggungjawab atau kewajipan yang perlu ditanggung oleh kita sebagai sesuatu individu, sesuatu ahli keluarga kita dan juga sesuatu warganegara Malaysia.

2) Bagaimana kamu boleh praktik atau amalkan perkara-perkara yang telah kamu telah pelajari pada kursus etika dan peradaban ini dalam kehidupan seharian?

Dengan mempelajari kursus etika dan peradaban ini, saya dapat memahami kepentingan etika dan peradaban dan sebagainya. Untuk praktik atau amalkan perkara – perkara yang telah saya pelajari, pertama sekali saya akan sentiasa menyertai aktiviti – aktiviti kaum lain. Punca persengketaan berlaku adalah tidak memahami antara satu sama lain. Dengan menyertai aktiviti – aktiviti kaum lain, saya akan cuba memahami budaya dan imannya. Dengan itu, saya boleh memahami perbezaan pemikiran dan budaya antara kaum atau masyarakat lain dengan kaum sendiri dan saya akan mengelakkan mengambil tingkah laku di hadapan orang kaum lain jika merujuk kepada kaumnya tindakan itu adalah tidak baik tetapi bagi kaum sendiri adalah tindakan biasa. Dengan sentiasa menyertai aktiviti kaum lain juga boleh pastikan saya tidak akan mengambil tingkah laku yang buruk berdasarkan budaya mereka semasa saya berhidup dengan orang kaum lain.

Tindakan kedua saya akan mengambil adalah saya akan cuba berkawan dengan orang kaum lain dengan lebih proaktif berbanding dengan masa saya dulu. Selepas mempelajari kursus ini, bagi kaum lain yang juga berhidup di Malaysia seperti kaum Melayu, kaum India, kaum Kadazandusun, Baba dan Nyonya dan sebagai, saya mendapati ilmu pengetahuan saya terhadap mereka amat kurang. Kawan – kawan saya biasanya adalah kaum cina. Saya berasa keadaan ini tidak baik kepada saya kerana keadaan ini akan mengurangkan peluang saya untuk memahami budaya kaum lain. Hal ini juga akan menjadi saya mengabaikan kepentingan menjaga kesepaduan masyarakat kita dan mengambil tindakan yang akan memberi faedah kepada kaum saya tanpa berfikir kebaikan kaum lain. Jadi, melalui berkawan dengan orang kaum lain boleh sentiasa mengingatkan saya sendiri, negara ini juga adalah tempat hidupan kaum lain. Saya perlu sentiasa bertoleransi dan menghormati cara hidup mereka

Tindakan ketiga saya akan mengambil ialah saya akan sentiasa mengingat diri sendiri kepentingan etika dan perlu mengamalkan etika dalam tindakan dan kehidupan seharian saya. Saya telah memahami tingkah laku yang tidak beretika diambil oleh seseorang boleh mempengaruhi keharmonian dan keamanan masyarakat dan juga negara kita. Saya akan membuat penilaian terhadap tingkah laku diri sendiri hari ini sebelum saya masuk tidur pada setiap hari. Penilaian ini boleh menolong saya mendapati masalah sendiri jika saya mengambil tingkah laku

yang tidak baik atau menggunakan ayat atau perkataan yang buruk terhadap orang budaya lain walaupun perkataan itu terhadap budaya sendiri adalah biasa. Dengan mengingatkan sendiri kepentingan etika setiap hari, pemikiran dan peribadi saya boleh mengubah dengan lebih cepat untuk mengamalkan etika dalam kehidupan seharian saya.

Tindakan keempat saya akan mengambil iaitu saya akan cuba berkumpul dengan orang kaum lain untuk menjalankan atau melaksanakan sesuatu kerja atau tugas. Dengan berkumpul dengan orang kaum lain, saya akan dapat mempelajari selain dari cara – cara untuk bekerjasama dengan orang lain dan juga cara – cara untuk berkomunikasi dengan kaum lain. Dengan itu, saya boleh dapat atau meminta pendapat dari mereka tentang tingkah laku saya adakah memarahkan mereka secara tidak sengaja dengan menggunakan perkataan atau mengambil tingkah laku yang buruk kepada mereka. Pendapat mereka boleh menolong saya dalam bentuk yang realistik tetapi bukan ilmu pengetahuan dari buku untuk mengubah tingkah laku sendiri supaya saya boleh bergaul atau berinteraksi dengan orang kaum lain dengan lebih baik dan lancar.

Kesimpulannya, saya akan mengamalkan perkara – perkara yang telah saya belajar dari kursus ini dalam kehidupan seharian saya. Saya akan mempelajari untuk menambah ilmu pengetahuan supaya memperbaiki peribadi sendiri dan mengubah pemikiran sendiri untuk memberi sumbangan kepada mewujudkan masyarakat yang bersepadu, keharmonian dan keamanan.